

19 SEP 2002

Parlimen-Gulung

UNITEK MARA AKAN DIUBAH NAMA KEPADA UNIVERSITI KUALA LUMPUR

KUALA LUMPUR, 19 Sept (Bernama) -- Universiti Teknikal MARA (Unitek-MARA) akan diubah namanya kepada Universiti Kuala Lumpur (UKL) apabila segala prosedur penubuhannya diluluskan Kementerian Pendidikan, kata Menteri Pembangunan Usahawan Datuk Seri Mohamed Nazri Aziz.

Beliau berkata secara prinsipnya perubahan nama itu telah mendapat persetujuan Kementerian Pendidikan dan tidak bercanggah dengan Akta Institusi Pendidikan Tinggi Swasta.

Katanya UKL akan mempunyai kampus di kawasan seluas 40 hektar di Kuala Lumpur.

"Saya memilih nama Kuala Lumpur kerana ia lebih dikenali di mata dunia dan kalau kita guna nama Unitek-MARA, siapa yang akan kenal hanya kita sahaja tahu apa itu Mara," katanya semasa menggulung Rang Undang-undang Majlis Amanah Rakyat (Pindaan) 2002 di Dewan Rakyat hari ini.

Rang undang-undang itu bertujuan membolehkan Mara menubuhkan sebuah syarikat untuk mengurus Unitek-MARA, serta institusi pendidikan lain yang ditubuhkan Mara didaftar dan dikawal di bawah Akta Institusi Pendidikan Tinggi Swasta.

Mohamed Nazri berkata Unitek-MARA akan mempunyai kakitangan dan pensyarah yang profesional bagi memastikan mutu dan tahap pengajian yang tinggi.

Mengenai kerjasama dengan kerajaan asing bagi Institut Kemahiran Tinggi Mara (IKTM) yang mengendalikan pelbagai program latihan teknikal kejuruteraan, Mohamed Nazri berkata ia sebenarnya membawa manfaat kepada Mara khususnya pemindahan teknologi.

Beliau memberi contoh penubuhan German-Malaysian Institute (GMI) bagi latihan bidang teknologi instrumen dan pengeluaran, kerajaan Jerman telah memberikan geran RM37 juta.

Bagi Malaysian-France Institute (MFI) yang khusus untuk latihan bidang teknologi pembinaan jentera dan penyenggaraan perindustrian, kerajaan Perancis telah memberikan pinjaman mudah bernilai RM55 juta manakala Malaysian-Spanish Institute untuk bidang pengeluaran automotif dan komponen, kerajaan Sepanyol memberikan geran sebanyak US\$2.9 juta dan US\$5.6 juta sebagai pinjaman mudah.

"Tiada kos yang dikeluarkan oleh Mara, malah ia sebenarnya menguntungkan dan membantu pemindahan teknologi serta pengetahuan daripada negara maju berkenaan dan yang lebih menguntungkan ialah graduan Mara ditawarkan peluang kerja sebelum tamat pengajian," katanya.

Mohamed Nazri berkata Mara bersedia menerokai bidang baru seperti bioteknologi yang mempunyai potensi besar untuk dimajukan serta berusaha melahirkan penuntut yang bukan sahaja berilmu dan berkemahiran tetapi juga sebagai seorang usahawan.

Persidangan Dewan Rakyat disambung esok dengan pembentangan Belanjawan 2003 oleh Perdana Menteri yang juga Menteri Kewangan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada pukul 4 petang.

-- BERNAMA

HS HS RON